



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**  
FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES

Menara LPP  
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin  
50480 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA  
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR



Tel : 603-2610 9600  
Faks : 603-2697 0987  
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>  
E-mel : [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### **PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) - PENYERAHAN SUMBANGAN MAFI PRIHATIN OLEH YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I KEPADA AHLI-AHLI PELADANG PPK JASIN DAN PPK MERLIMAU JUGA PELAJAR UiTM SEMUJUK, JASIN, MELAKA**

**Jasin, (18 Julai)** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) hari ini telah menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin di dua lokasi yang berasingan iaitu di Sawah Kg Tedong, Merlimau, Sawah Tengah Padang, Sawah Sg rambai dan projek usahawan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jasin, Daerah Jasin, Melaka.

Selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang sedang dilaksanakan, hasrat dan keprihatinan Kerajaan telah disampaikan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I kepada pesawah, ahli-ahli peladang dan pelajar UiTM Semujuk, Jasin Melaka untuk membantu meringankan beban mereka yang memerlukan demi kelangsungan hidup akibat dari Pandemik Covid-19 terutamanya bagi mereka yang terkesan dengan beban tanggungan dan terjejas dari segi sumber pendapatan.

Penyampaian sumbangan bakul makanan (*Foodbasket*) ini telah diadakan secara ringkas dan mengikut Standard Operating Prosedure (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan diserahkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Melaka kepada Tuan Hj Ahmad bin Baharudin, Pengerusi, Ahli Jemaah Pengarah, PPK Jasin mewakili ahli-ahli peladang PPK Jasin, Encik Muhammad Sukayadi bin Salim, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Semujuk, di PPK Jasin, Encik Muhd Suhaimi bin bin Muhd Suzaimi, Ketua Pesawah Unit Peladang Tedong Darat, Encik Sabidin bin Latip, Ketua Pesawah Unit Peladang Tengah Padang, dan Encik Sulaiman bin Bakron, Ketua Pesawah Unit Peladang Sg Rambai (A), masing-masing mewakili pesawah-pesawah di Daerah Merlimau, Melaka.

Sumbangan bakul makanan (*Foodbasket*) iaitu makanan keperluan asas seperti beras, minyak, tepung, gula, susu dan sebagainya ini, telah diagihkan kepada seramai 189 orang

pesawah, 11 orang ahli peladang PPK Merlimau, dan 200 orang ahli peladang PPK Jasin, Melaka. Manakala seramai 60 orang pelajar UiTM Semujuk, Jasin, Melaka akan menerima bahan mentah (ayam) yang akan diberikan kepada pengusaha kantin UiTM untuk dihidangkan kepada pelajar yang terjejas dan masih tinggal di kampus-kampus kediaman UiTM akibat pandemik covid-19.

Turut hadir di sesi penyerahan sumbangan ini, Dato' Azulita binti Salim, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Puan Hajah Norlizah Binti Muhamad, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, LPP, dan Encik Ahmad Fuad bin Zakaria, Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Melaka.dengan jumlah keseluruhan sebanyak 400 bakul makanan (*Foodbasket*).

#####

Disediakan oleh:

**Bahagian Hal Ehwal Korporat,  
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan  
18 Julai 2021**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**YBrs. Encik Ahmad Fuad bin Zakaria,  
Pengarah,  
Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Melaka  
Tingkat 5, Graha Peladang,  
No.132, Jalan Hang Tuah,  
Peti Surat 182, 75740 Melaka.**

**Telefon (Pejabat) : 06-2824310, 06-2837360, 06-2828939, 06-2828302  
Telefon (Bimbit) : 0122076357  
Faks : 06-2824528  
E-mail : [lpp\\_melaka@lpp.gov.my](mailto:lpp_melaka@lpp.gov.my)**